

Perkataan “Ejaan” Berasal Daripada Perkataan

“ H e j a a n ”

KEMBOLEHAN membaca dan menulis menuntut seseorang itu kenal huruf dan tahu mengejanya. Jika tidak boleh mengeja sesuatu perkataan, kebiasaannya seseorang tidak akan mampu membaca dan menulis dengan baik.

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), kata ejaan yang berasal daripada kata eja bermaksud kaedah atau cara menulis perkataan dengan huruf. Penyelarasan ejaan pula khususnya tertumpu pada kata-kata pinjaman seperti tatanama ubat, bahan kimia, batu, bakteria, virus dan kulat.

Kata ejaan dalam *Kamus Pelajar Edisi Kedua* yang juga terbitan DBP diberikan maksud cara atau peraturan menulis perkataan dengan huruf. Contohnya, ejaan perkataan “saya” ialah “s-a-y-a”. Kata eja pula diberikan maksud mengeja, iaitu menyebut atau menulis huruf dalam sesuatu perkataan satu demi satu.

Contohnya: Dia tidak tahu mengeja perkataan “oleh”.

Kata kerja mengeja turut diberikan maksud membunyikan atau menulis huruf-huruf secara berturut-turut dalam sesuatu perkataan. Mengeja perkataan sama ialah “s-a-m-a”.

Kata “eja” atau “ejaan” berasal daripada kata bahasa Arab, iaitu *hijaiah*. Oleh sebab kata pinjaman ini daripada bahasa Arab dan kurang serasi dengan bahasa Melayu maka pekataannya diubah suai kepada kata “heja” supaya serasi dengan lidah Melayu di Nusantara ini.

Antara bukti kata “hejaan” digunakan pada masa dahulu terutamanya sebelum penyeragaman dan penyelarasan dibuat pada tahun 1972 ialah buku, *Ketetapan Hejaan Melayu*, sebuah karya bidang bahasa.

Selain itu, kata “hejaan” ditemukan pada buku *Pedoman Ejaan Pakatan Bahasa Melayu Persuratan Buku Diraja Johor* yang disusun oleh Mejar Dato’ Haji Muhamad Said Haji Suleiman. Panduan bagi “hejaan” buku ini, iaitu sebagai pedoman rasmi bagi ejaan Jawi untuk kegunaan Pakatan dan ahli-ahlinya, serta penerbitan buku bagi kerajaan Johor.

Sepanjang tinjauan dan pemerhatian, penulis menemukan kata “hejaan” pada tajuk buku yang berikut, *Ketetapan Hejaan Melayu: Penggal yang Pertama* terbitan Lembaga Melayu Press (1941). Satu lagi buku berjudul, *Ketetapan Hejaan Melayu: Penggal II* terbitan Sheikh Bin Alwi Shahab, tanpa tahun terbit.

Sebagai tambahan, penulis turut menemukan kata “eja’an”, iaitu diletakkan tanda koma di atas sebelum imbuhan an (...-an) dalam rencana “Tanggapan Terhadap Eja’an Baru dari Segi Penerbitan Buku”, Hoetaveroek S. H. M. yang terbit dalam majalah *Bahana* (1 April 1968).

Bahana ialah majalah bulanan berharga B\$3.00 yang memuatkan karya kreatif dan bukan kreatif dari dalam dan luar negara. *Bahana* yang mirip majalah *Dewan Sastera* di Malaysia menggunakan slogan Wadah Hati Nurani Penulis Kreatif, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Negara Brunei Darussalam yang diletakkan di bawah kawalan

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan negara berkenaan.

Menerusi kajian lanjut, dipercayai kata “hejaan” berasal daripada kata *hijaiah*, iaitu *huruful hijaiah* (huruf-huruf untuk ejaan) yang berjumlah 29 dalam sistem bahasa Arab. Huruf *hijaiah* terdiri daripada huruf *sohih* dan huruf *muktal*. Padanannya lebih kurang begini, huruf-huruf *sohih* umumnya sebanding dengan vokal atau saksi dan huruf *muktal* sebanding dengan huruf konsonan dalam sistem ejaan Rumi bahasa Melayu.

Dalam bahasa Melayu, terdapat huruf-huruf Jawi yang menggunakan kesemua huruf *hijaiah* tetapi ditambah bagi disesuaikan dengan bunyi sebutan dalam budaya harian masyarakat Melayu selain bagi kata pinjaman daripada bahasa lain.

Namun begitu, menurut buku *Daftar Kata Melayu Rumi - Sebutan Jawi Edisi Kedua* (2008) terdapat 37 huruf abjad Jawi (setakat pada tahun 2008 yang lalu).

Huruf yang terkandung dalam abjad Jawi adalah terdiri daripada huruf alif, ba, ta (ta *maftuhah*), ta *marbutoh* (ta simpul), sa [/*tha*/], jim, ca, ha, kha [/*kho*/], dal, zal, ra [/*ro*/], zai, sin, syin, sad [/*sod*/], dad [/*dod*/], to, zo, ain [’ain], ghain, nga, fa, pa, qaf [/*qof*/], kaf, ga, lam, mim, nun, wau, va, ha, hamzah, ya, ye (ya tanpa titik), dan nya.

Menurut Mohd. Isa Abdul Razak dalam blognya, jumlah abjad Jawi ialah 37 huruf berbentuk tunggal. Lam alif (ﻝ) tidak disenaraikan kerana huruf ini ialah huruf gabungan, iaitu huruf lam (ﻝ) dan huruf alif (ا). **PB**